

17 AUG 2002

Mahathir-Lawatan/I

DR MAHATHIR KE YANGON UNTUK LAWATAN DUA HARI

Oleh: Rohana Mustaffa

YANGON, 17 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan tiba di sini esok untuk memulakan lawatan kerja dua hari ke Myanmar, iaitu lawatan kedua baginya dalam tempoh 19 bulan dan yang keempat sejak 1988.

Lawatan Perdana Menteri itu, kira-kira 10 hari selepas beliau bertemu dengan dua ketua kerajaan Asean di Bali, Indonesia, adalah sebagai membalas lawatan rakan sejawatannya dari Myanmar, Jeneral Kanan Than Shwe, Pengerusi Majlis Keamanan dan Pembangunan Negara (SPDC) pada September tahun lepas.

Lawatan sebelum ini oleh Dr Mahathir ialah pada Januari tahun lepas, dengan pintu bagi peluang-peluang perniagaan dibuka dengan rasminya kepada syarikat-syarikat Malaysia khususnya dalam memproses bahan-bahan mentah yang banyak terdapat di negara ini.

Kerajaan Myanmar juga telah menawarkan produk-produk buatan negaranya untuk diimport oleh Kuala Lumpur.

Perdagangan antara Yangon dan Kuala Lumpur, iaitu rakan perdagangan ketiga terbesar bagi Myanmar dalam Asean dan pelabur asing terbesar di negara itu selepas Singapura, United Kingdom dan Thailand, berjumlah RM1.045 bilion.

Eksport ke Myanmar berjumlah RM748.6 juta manakala import bernilai RM297.1 juta dengan imbalan perdagangan memihak kepada Malaysia.

Anara eksport utama Malaysia ke Myanmar ialah buah-buahan, minyak mentah, produk petroleum mentah, besi keluli, lemak haiwan dan sayur-sayuran manakala Malaysia mengimport sayur-sayuran segar dan yang disejukkukan, getah asli dan makanan laut dari negara ini.

Dengan 50 juta penduduk, Myanmar mempunyai tenaga buruh murah yang ramai serta banyak sumber semulajadi yang belum diterokai.

Negara seluas 676,577 km padu ini adalah negara terbesar di tanah besar Asia Tenggara dan berkongsi sempadan dengan Bangladesh, India, China, Laos dan Thailand.

Kuala Lumpur dan Yangon menjalinkan hubungan diplomatik pada 1958 dan Myanmar menjadi anggota Asean pada 1997.

Menurut statistik Suruhanjaya Pelaburan Myanmar, pelaburan Malaysia di negara ini adalah dalam sektor pengeluaran, minyak dan gas, hotel dan pelancongan serta pembangunan hartanah berjumlah AS\$642.5 juta (RM2,443 juta).

Malaysia setakat ini telah menandatangani enam perjanjian dan dua Memorandum Persefahaman (MoU) dengan Myanmar termasuk perjanjian perkhidmatan udara pada Ogos 1976, kredit minyak sawit dan perjanjian pembayaran pada Januari 1994, kerjasama ekonomi, saintifik dan teknikal pada Ogos 1996, perjanjian mengelakkan cukai berganda pada 1998 dan perjanjian memansuhkan sebahagian visa terhadap pemegang pasport diplomatik dan rasmi.

Dua MoU mengenai kerjasama pelancongan dan maklumat ditandatangani pada September 2001 semasa lawatan ketiga Than Shwe ke Malaysia.

Semasa lawatan Dr Mahathir ke negara ini, dua MoU lagi akan ditandatangani iaitu perjanjian kontrak penerokaan minyak antara syarikat minyak negara, Petronas dan Kementerian Tenaga Myanmar serta pelaksanaan kajian mengenai pembinaan loji mini hidro di Empangan Nga Moe Yeik dan Empangan Tabuhla antara Tepat Teknik Sdn Bhd dan Kementerian Pertanian dan Perparitan Myanmar.

Petronas dan Bernas pula menjalinkan perjanjian perdagangan bertimbal dengan Myanmar. Komoditi dalam perdagangan bertimbal itu antara Petronas

dan rakan kongsinya di sini ialah menjual minyak mentah dan produk minyak mentah sebagai tukaran kepada beras dan balak manakala Bernas membeli beras di sini sebagai tukaran kepada peralatan kilang beras.

Setakat ini, Petronas telah menandatangani beberapa kontrak bekalan minyak mentah dan produk minyak mentah dengan Myanmar Oil and Gas Enterprise yang bernilai AS\$182.1 juta (RM691.98 juta) manakala Bernas memeterai perjanjian berjumlah AS\$3 juta (RM11.4 juta).

Selain diiringi siteri Datuk Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali, Dr Mahathir mengetuai rombongan 300 orang termasuk Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz, Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia Datuk Leo Moggie, Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar, pegawai-pegawai kanan kerajaan serta ahli-ahli perniagaan diketuai Pengerusi Bersama Kumpulan Teknologi Tinggi Swasta-Kerajaan (Might) Tan Sri Dr Ahmad Zaharudin Idrus.

Perdana Menteri dijadualkan mengunjungi Than Shwe di bangunan Parlimen sejurus selepas tiba dan akan diraikan oleh rakan sejawatannya itu dalam satu jamuan pada malamnya di tempat yang sama.

Menurut aturcara lawatan yang dikeluarkan kepada pihak media, Dr Mahathir akan merasmikan Persidangan Teknologi Malaysia-Myanmar pada hari kedua lawatannya dengan beliau dijadual menyampaikan ucap-tama sebelum menyaksikan majlis menandatangani MoU.

Dr Mahathir kemudian akan Hotel Micasa untuk menemui anggota-anggota Persatuan Myanmar Malaysia sebelum melawat Taman Teknologi Maklumat dan Komunikasi Myanmar.

Perdana Menteri juga akan menyaksikan majlis penyerahan Projek Makmal Sekolah Bestari di Perbandaran Kamayut dan kemudian melawat Hospital bagi Perubatan Tradisional.

Sementara itu, Dr Siti Hasmah mempunyai aturcara berasingan dengan dijadualkan melawat Pusat Persatuan Kebajikan Ibu dan Kanak-kanak Myanmar dan menemui anggota-anggota Perwakilan, persatuan isteri-isteri pegawai Kedutaan Malaysia, di Rumah Malaysia.

Selepas itu, beliau akan menyertai Dr Mahathir melawat Sekolah Rendah Pendidikan Asas di Kamayut.

Than Shwe dan Puan Than Shwe akan membuat kunjungan perpisahan ke atas Perdana Menteri dan Dr Siti Hasmah di Kediaman Rasmi Negara Sein-La-Kantha sebelum mereka berlepas pulang ke Kuala Lumpur dengan pesawat khas pada 5 petang waktu tempatan.

-- BERNAMA
RON SNS NAK